

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VI - KEWANGAN
Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis**

Seksyen 79. Sekatan bagi pewujudan amanah khairat.

- (1) Sama ada atau tidak dibuat secara wasiat atau sebagai alang semasa *marad-al-maut*, tiada wakaf atau nazr yang dibuat selepas seksyen ini mula berkuat kuasa dan melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta orang yang membuat wakaf atau nazr itu boleh menjadi sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu.
- (2) Tiap-tiap wakaf khas atau nazr yang dibuat selepas seksyen ini mula berkuat kuasa adalah batal dan tak sah melainkan jika-
- (a) Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis, dengan nyata memperkenankan dan mengesahkan wakaf khas atau nazr itu; dan
 - (b) wakaf khas atau nazr itu telah dibuat semasa pembuatnya sakit tenat dan kemudian meninggal dunia akibat sakit itu dan telah dibuat secara bertulis melalui surat cara yang disempurnakan olehnya dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah masjid yang sama dengan pembuat itu.
- (3) Seksyen ini tidaklah berkuat kuasa untuk menjadikan sah apa-apa wasiat, alang semasa *marad-al-maut*, wakaf atau nazr yang tak sah di bawah peruntukan-peruntukan Hukum Syarak.
- (4) Apa-apa wakaf atau nazr yang sah mengikut Enakmen terdahulu hendaklah terus sah bagi maksud Enakmen ini.
-